

34

35

PERPUSTAKAAN
PSUK

Jilid I
Bil. 1



Hari Selasa
22hb Oktober, 1974

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

41
PENGGAL YANG PERTAMA
First Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

Jilid I
Bil. 1



Hari Selasa
22hb Oktober, 1974

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
First Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

KANDUNGANNYA

PEMILIHAN TUAN SPEAKER [2]
MENGANGKAT SUMPAAH OLEH AHLI-AHLI DEWAN [3]
UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA GABNOR [3]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG PERTAMA

MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Selasa, 22hb Oktober, 1974

HAZIR :

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Ahmad, P.U.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)

- ” ” Kawasan Bertam (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N., J.P.)
- ” ” Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
- ” ” Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
- ” ” Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah, J.P.)
- ” ” Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
- ” ” Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
- ” ” Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)
- ” ” Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)
- ” ” Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
- ” ” Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
- ” ” Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
- ” ” Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh)
- ” ” Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)
- ” ” Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah)

- „ „ Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)
- „ „ Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
- „ „ Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad)
- „ „ Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
- „ „ Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
- „ „ Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
- „ „ Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
- „ „ Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
- „ „ Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TURUT HAZIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Lee Thin Pee, P.J.K., P.T.N.)

1. DOA.

sokongkan, dengan ini saya mengisytiharkan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah dilantik menjadi Tuan Speaker Dewan ini.

2. PEMILIHAN TUAN SPEAKER.

Setiausaha Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang patutlah Dewan ini menjalankan pemilihan Tuan Speaker Dewan. Dengan ini, saya menjemput seorang Ahli untuk membuat cadangan itu.

Ahli Kawasan Bukit Tengah diisytiharkan sebagai Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Setiausaha, saya cadangkan supaya Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah dipilih menjadi Speaker Dewan ini.

Tuan Speaker mengangkat dan menandatangani Sumpah Jawatan dan Taat Setia sebagaimana yang tertera di dalam Jadual Pertama kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker mengambil tempatnya.

Setiausaha Dewan: Terimakasih. Adakah seorang Ahli akan menyokong cadangan itu?

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Tuan Setiausaha, saya menyokong Usul itu?

Setiausaha Dewan: Terimakasih. Bolehkah saya tanya adakah cadangan yang lain?

Oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja telah dicadangkan dan di-

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan ribuan terimakasih kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah menaruh kepercayaan kepada saya dan telah melantik saya sebagai Yang Dipertua Dewan ini. Saya harap dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dapatlah kita melangsungkan tugas-tugas kita di Dewan ini dengan selicin-licinnya, dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan seboleh-bolehnya hendaklah menggunakan bahasa Kebangsaan di dalam Dewan ini. Terimakasih.

3. MENGANGKAT SUMPAAH OLEH AHLI-AHLI DEWAN.

Ahli-ahli Dewan mengangkat dan menandatangani Sumpah Jawatan dan Taat Setia sebagaimana yang tertera di dalam Jadual Pertama kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang seperti aturan di bawah ini:

Dr Lim Chong Eu, (*Ahli Kawasan Padang Kota*), Ketua Menteri.

Datuk Teh Ewe Lim (*Ahli Kawasan Datuk Keramat*).

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah (*Ahli Kawasan Bertam*).

Encik Khoo Kay Por (*Ahli Kawasan Kampong Kolam*).

Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman (*Ahli Kawasan Bayan Lepas*).

Encik S. P. Chelliah (*Ahli Kawasan Sungai Bakap*).

Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar (*Ahli Kawasan Kubang Semang*).

Encik David Choong Ewe Leong (*Ahli Kawasan Ayer Itam*).

Encik Khor Gark Kim (*Ahli Kawasan Tanjung Bungah*).

Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh (*Ahli Kawasan Penaga*).

Encik Tan Gim Hwa (*Ahli Kawasan Bukit Glugor*).

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (*Ahli Kawasan Sungai Dua*).

Encik Khoo Teng Chye (*Ahli Kawasan Paya Terubong*).

Encik Wong Choong Woh (*Ahli Kawasan Sungai Pinang*).

Encik Abdullah bin Mohamed (*Ahli Kawasan Penanti*).

Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak (*Ahli Kawasan Bagan Ajam*).

Encik T. Subbiah (*Ahli Kawasan Bagan Dalam*).

Dr Choong Sim Poey (*Ahli Kawasan Sungai Nibong*).

Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff (*Ahli Kawasan Telok Bahang*).

Encik Md. Noor bin Ahmad (*Ahli Kawasan Tasek Glugor*).

Encik Ahmad bin Salleh (*Ahli Kawasan Sungai Acheh*).

Encik Lim Heng Tee (*Ahli Kawasan Machang Bubuk*).

Encik Oh Teck Aun (*Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam*).

Encik Ng Swee Ching (*Ahli Kawasan Bukit Tambun*).

Encik Ong Yi How (*Ahli Kawasan Bagan Jermal*).

Encik C.Y. Choy (*Ahli Kawasan Pengkalan Kota*).

Tuan Speaker: Dewan ditangguhkan sekarang. Semua Ahli-ahli Dewan dan para jemputan adalah diminta mengambil tempat masing-masing di hadapan Bangunan Dewan bagi istiadat pembukaan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.20 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.09 pagi.

4. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA GABNOR.

Tuan Speaker: Saya, dengan sukacitanya, memaklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Gabnor dalam sedikit masa lagi akan tiba masuk ke dalam Dewan ini untuk melafazkan ucapannya.

(Tuan Speaker, didahului oleh Setiausaha Dewan, berjalan menuju ke Bilik Tuan Speaker untuk menjemput Tuan Yang Terutama Gabnor dan Yang Berbahagia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah).

(Tuan Yang Terutama dan Yang Berbahagia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah diiringi oleh Juruiring-Juruiring serta didahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan, berangkat masuk ke dalam Bilik Persidangan Dewan.).

(Para hadirin sekalian bangun dan tunduk apabila Tuan Yang Terutama dan Yang Mulia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah berangkat ke tempat yang dikhaskan).

Setiausaha Dewan: Ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor.

(Ketua Menteri menyerahkan ucapan kepada Tuan Yang Terutama.).

Tuan Yang Terutama Gabnor: Kita bersyukur ke hadrat Tuhan yang maha kuasa di atas limpah kurnianya dan kerana mengizinkan kita sekali lagi untuk berucap kepada Dewan ini bersempena dengan Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Keempat.

Penggal ini bermula dengan satu Dewan Undangan yang baru berikutan dengan Pilihanraya Umum Negeri dan Nasional yang telah diadakan pada bulan Ogos tahun ini. Kita berasa megah dan gembira bahawa Pilihanraya dalam Negeri ini telah berjalan dengan aman dan jaya dan bahawa lapan puluh satu peratus dari pengundi-pengundi keluar untuk memilih wakil-wakil mereka ke Dewan ini. Suasana aman dan tenteram dalam Pilihanraya itu menggambarkan kematangan politik rakyat kita. Saya ucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan ini di atas kejayaan mereka dalam Pilihanraya itu. Adalah menjadi harapan kita semuga Dewan Undangan Negeri yang Keempat di bawah Pentadbiran Barisan Nasional akan bekerja kuat dan dengan cara yang berkesan untuk memenuhi hasrat rakyat kita di Pulau Pinang.

Sokongan terbesar yang diberikan oleh rakyat kita kepada Kerajaan Barisan Nasional di dalam Negeri ini telah memberikan kita satu Kerajaan yang teguh dan stabil. Ini bererti bahawa dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih pesat lagi untuk memperbaiki penghidupan dan kesejahteraan rakyat kita.

Kekuatan dari sokongan yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan jelas menunjukkan bahawa majoriti terbesar dari rakyat kita menerima konsep bagi membentuk sebuah masyarakat yang adil dan saksama di bawah pimpinan Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang disayangi. Pembentukan sebuah masyarakat adil dan saksama memerlukan penglibatan sepenuhnya dari semua rakyat kita dalam rancangan-rancangan sosio-ekonomi Kerajaan. Kita mestilah meneruskan usaha-usaha kita dengan tekun untuk memupuk perpaduan nasional dan untuk melaksanakan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam Negeri ini.

Lebih lagi, keyakinan penuh yang telah ditunjukkan oleh rakyat kita dengan menyokong Kerajaan telah membolehkan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk meneruskan kerja-kerja yang telah dimulakan dalam masa lima tahun yang lepas. Kita sekarang bolehlah mengukuhkan perkembangan ekonomi kita dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi dalam Negeri ini mengikut curak perindustrian desa dan perbandaran kawasan-kawasan desa berasaskan kemajuan dalam bidang *agro-horticulture* dan mempelbagaikan pertanian yang berterusan; membaharu dan memajukan semula kawasan bandaran; menggalakkan lebih lagi ekonomi perdagangan kita yang tradisi di dalam keadaan yang mana pelancungan akan memainkan peranan yang semakin penting.

Pada hari ini, ianya menjadi asas dasar Kerajaan untuk sentiasa menjamin keamanan dan keselamatan dalam masyarakat kita. Adalah penting bahawa rakyat-rakyat kita mesti sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara supaya dapat mengujudkan harmoni dan muhibbah dalam usaha-usaha kita untuk mencapai Perpaduan Nasional. Mereka mestilah sentiasa berwaspada terhadap aktibiti-aktibiti golongan-golongan anti-Nasional yang kerap kali mencuba untuk mengkhianati kestabilan, keamanan dan kemajuan Negara kita.

Dalam hal ini, Kerajaan akan berbuat apa sahaja yang boleh untuk menggalakkan penyatuan dan pembentukan sebuah masyarakat yang adil dan saksama di dalam masa rakyat Malaysia daripada semua keturunan kaum dan semua curak hidup dapat hidup, bekerja dan maju bersama-sama sebagai saudara kandung keturunan Malaysia dengan matlamat yang sama. Usaha-usaha untuk membangun Negara dan menyusun semula masyarakat adalah sama dan usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi dalam Negeri ini akan diteruskan dengan matlamat-matlamat tersebut menjadi panduan kepada dasar-dasar kita dengan jelasnya.

Adalah nyata bahawa tugas untuk memperkukuhkan kejayaan-kejayaan Kerajaan dalam lima tahun yang lepas, terutamanya pemesatan dan mempelbagaikan asas *agro-horticulture* kita dan di dalam pembangunan industri, terutamanya industri-industri yang bercurak eksport dan menggunakan banyak tenaga buruh, akan menjadi lebih rumit lagi kerana inflasi dari luar negeri yang dihasilkan oleh krisis tenaga dunia akan menyebabkan akibat buruk terhadap perkembangan ekonomi kita.

Walaupun terdapat kesusahan ini, namun Kerajaan akan dengan tekun meneruskan dasar bagi menambah peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat-rakyat kita. Telahpun terdapat sedikit kekurangan dalam pengambilan pekerja-pekerja, bahkan juga pemberhentian pekerja-pekerja dalam beberapa industri-industri yang baru ditubuhkan yang bercurak eksport. Akan tetapi perkembangan dalam sektor industri terus memerlukan lebih banyak lagi pekerja-pekerja daripada kumpulan buruh dan masalah pengangguran dalam Negeri kita terus berkurangan. Sekarang kadar pengangguran adalah kurang daripada sembilan peratus yangmana adalah sebanding dengan angka *index* untuk Negara ini pada keseluruhannya.

Kerajaan akan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek membandarkan kawasan desa dan membaharui kawasan bandar untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan perumahan untuk rakyat dalam Negeri kita, terutama sekali pekerja-pekerja di

kilang-kilang perindustrian yang baru ditubuhkan. Kerajaan akan mengamalkan dengan teliti dasar kawalan alam sekeliling dalam rancangan-rancangan perbandarannya. Ini bererti menyediakan kemudahan infra-struktur asas yang mencukupi, kemudahan-kemudahan sosial dan sibiik untuk meninggikan lagi mutu penghidupan rakyat kita; dan perkhidmatan Kerajaan Tempatan dalam kawasan-kawasan yang sedang diperbandarkan. Rancangan perbandaran di Bayan Lepas dan Bagan Serai akan dipesatkan lagi untuk menyusun semula masyarakat dan juga menghasilkan sektor-sektor pekerjaan yang baru bagi rakyat kita.

Usaha-usaha kita bagi membaharui kawasan bandar akan ditumpukan kepada pembangunan Pusat Bandaraya Pulau Pinang; pembangunan semula Tanjung Tokong; menambak kawasan-kawasan pantai yang sesuai terutamanya berhubungan dengan pembinaan jambatan ke Tanah Besar; dan membasmi masalah banjir. Projek-projek ini akan dilaksanakan dengan bantuan Kerajaan Pusat dan ajensi-ajensi Kerajaan Pusat seperti UDA dan PERNAS supaya penyertaan Bumi-putra, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, akan dapat dipastikan dalam rancangan-rancangan pembangunan untuk masa hadapan. Pembangunan-pembangunan ini bukan sahaja akan menghasilkan pekerjaan tambahan untuk rakyat kita akan tetapi ia juga akan mendorong kejayaan-kejayaan kita terhadap kemahiran-kemahiran teknologi yang lebih tinggi dan pengurusan pentadbiran yang lebih baik.

Kita mesti berterimakasih kepada Kerajaan Pusat kerana terus memberikan kepada Kerajaan Negeri sokongan dan kerjasamanya dalam usaha-usaha kita untuk mengukuhkan kejayaan sosio-ekonomi dalam Negeri kita. Pada khususnya, galakan yang diberi oleh Kerajaan Pusat di dalam projek Pusat Bandaraya dari kedua-dua segi perancangan dan kewangan sangatlah dihargai. Masa tidak lama lagi sebelum satu kenyataan rasmi akan dibuat berkenaan dengan penubuhan sebuah gabungan kewangan yang akan ditugaskan untuk melaksanakan Jambatan Pulau Pinang. Kerjasama untuk memperbesarkan Lapangan

Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telahpun dimulakan dan lapangan baru ini dijangka siap menjelang tahun 1977. Di samping itu, Kerajaan Pusat telah memulakan satu kajian untuk menambah kemudahan-kemudahan, termasuk kontener, di Pelabuhan Pulau Pinang.

Kesemua ini adalah pembangunan infra-struktur yang terbesar yang akan membawa kita ke tahun 2000 dengan penuh keyakinan. Perancangan dan pelaksanaan kita perlulah ditimbang dengan berhati-hati untuk menentukan supaya tiap-tiap satu kemajuan akan membawa secara teratur kepada kemajuan yang lain. Dalam usaha-usaha kita untuk mengadakan kawalan alam sekeliling yang tegas, adalah menjadi matlamat kita untuk memelihara seberapa banyak yang boleh dari sifat-sifat semula jadi Pulau Pinang dalam rancangan-rancangan pembangunan kita. Ini akan memastikan bahawa keindahan semula jadi dan unsur-unsur sejarah Negeri kita tidak akan terjejas oleh pembangunan yang mustahak yang perlu kita lakukan untuk mencapai satu masa hadapan yang lebih baik.

Adalah dijangkakan bahawa pelancungan antarabangsa akan terus menjadi satu sektor yang penting dalam ekonomi kita. Terhadap ini, Kerajaan akan memberi pertimbangan yang tertentu mengenai perkembangan industri pelancungan dari semua aspeknya. Menubuhkan hotel-hotel baru dengan bilik-bilik hotel yang lebih banyak; latihan kepada kakitangan untuk menjamin perkhidmatan layanan yang bertaraf antarabangsa; penggalakan badan-badan pemandu pelancung yang tertubuh dengan teratur dan agensi-agensi yang berkenaan dengan pelancungan akan diselenggarakan secara betul dengan kegiatan perdagangan kita yang tradisi supaya mendatangkan faedah yang paling tinggi kepada rakyat kita.

Semua kemajuan-kemajuan ini memerlukan sebuah Kerajaan yang kuat dan yang stabil. Lebih mustahak lagi, adalah penting supaya masyarakat kita mestilah aman dan selamat supaya sebuah pentadbiran yang jujur, cekap dan berpandangan jauh boleh bekerja untuk mendatangkan faedah yang setingginya kepada masyarakat kita. Adalah pen-

ting supaya rakyat kita sendiri memahami masalah-masalah yang kita hadapi dan matlamat-matlamat yang telah kita tentukan sendiri supaya mereka dapat menyertai sepenuhnya dengan kerjasama yang rapat dengan pihak Kerajaan untuk mengatasi cabaran-cabaran yang terdapat di hadapan kita.

Dalam keadaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini, sudah tentulah akan berlaku sedikit gangguan dan masalah-masalah baru mengenai penempatan semula akan timbul, khususnya setinggan-setinggan dan mereka yang memiliki lesen-lesen tumpangan sementara. Kerajaan akan memberikan perhatian yang berat kepada semua masalah-masalah ini untuk mengatasi kesusahan-kesusahan yang berkaitan dengan gangguan dan pengambilan tanah akibat daripada perbandaran yang pesat, perkembangan industri dan pembangunan-pembangunan yang berkaitan.

Manakala rancangan pembangunan kita bertambah kukuh, Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih terhadap usaha memperbaiki taraf hidup sektor penduduk kita, yang samada mempunyai tanah tetapi tidak memperoleh pendapatan yang mencukupi darinya, atau yang telah mendapat pekerjaan tetapi pendapatan mereka tidak dapat menampung kenaikan harga-harga pada masa sekarang.

Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk membantu Kerajaan Pusat dalam kawalan harga. Tambahan pula, Kerajaan akan memberi perhatian khas kepada mata pencarian penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil, terutamanya kaum Bumiputra yang terlibat dalam sektor penghidupan ini, untuk membantu mereka memainkan satu peranan yang berguna dalam masyarakat kita dan untuk meninggikan taraf hidup mereka. Pada khususnya, Kerajaan akan memperhebatkan lagi rancangan-rancangannya untuk memperbaiki mata pencarian petani-petani, nelayan-nelayan dan mereka-mereka yang terlibat dalam *horticulture* dan ternakan binatang, dan mereka yang terlibat dalam sektor-sektor perkhidmatan seperti pengendali-pengendali bas sekolah, pembinaan bangunan dan lain-lain perkhidmatan.

Sedang kita bertumpu terhadap projek-projek pembangunan dalam Negeri kita sendiri, Kerajaan akan terus memupuk perhubungan-perhubungan mesra yang telahpun diadakan dengan lain-lain Negeri di Malaysia. Dengan sokongan Kerajaan Persekutuan, kita akan menyelaraskan rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi kita dengan negeri-negeri jiran kita iaitu Perlis, Kedah dan Perak. Adalah bagi faedah kita bersama jika kita mengadakan projek-projek tetap berasaskan usaha bersama dengan agensi-agensi pembangunan negeri-negeri tersebut. Kerajaan akan mengambil bahagian sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan daerah yang baik untuk menentukan perkembangan terusnya ekonomi kita di kawasan utara Malaysia.

Kita adalah gembira memerhatikan bahawa perhubungan-perhubungan baik di antara Negeri kita dan Negeri Australia Selatan, dan di antara Georgetown dan Adelaide khususnya, telah menghasilkan perhubungan yang semakin rapat di antara rakyat kita dan telah merintis peluang-peluang baru terhadap usaha bersama yang akan menguntungkan kita bersama.

Amat perlu bagi kita untuk selalu ingat bahawa keamanan dan keselamatan yang kita menikmati adalah disebabkan oleh Pasukan-pasukan Keselamatan kita yang berani dan sentiasa waspada. Kita mengambil peluang ini untuk mengucapkan terimakasih kepada mereka. Kita juga berterimakasih kepada pegawai-pegawai dalam Pentadbiran Am, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Air Negeri dan kedua-dua Lembaga-Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan kerana menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap dan sopan santun. Adalah penting bagi rakyat kita untuk memahami bahawa tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab sebuah Kerajaan yang baik melibatkan kedua-dua pihak rakyat dan juga pentadbiran. Memandangkan kepada aliran inflasi yang sedang kita hadapi, maka adalah perlu bagi rakyat kita supaya berjimat cermat; mengamalkan 'disiplin diri' dan menghentikan segala percubaan untuk menyorok ba-

han-bahan makanan yang perlu; supaya masyarakat pada keseluruhannya akan menjadi makmur atau akan menghadapi kesusahan-kesusahan bersama dalam cara yang saksama. Aliran ekonomi dunia pada masa ini mengenakan rintangan-rintangan terhadap usaha-usaha pembangunan kita dan oleh yang demikian, kita mesti berusaha lebih giat lagi untuk mengekalkan usaha-usaha kita untuk mencapai kemajuan ekonomi yang lebih besar lagi.

Kematangan rakyat kita dalam lapangan politik adalah satu pertanda yang baik bagi masa hadapan Negara kita. Kerajaan di pihaknya telahpun merumuskan satu rancangan pembangunan yang lengkap bagi kebaikan rakyat kita dan akan melaksanakan rancangan-rancangan ini dengan lebih giat lagi. Jika rakyat kita sedar bahawa dalam usaha-usaha kita untuk melahirkan satu Malaysia yang lebih sejahtera dan makmur, kita semua mestilah membuat pengorbanan pada hari ini demi mencapai matlamat-matlamat yang telah kita sendiri tetapkan bagi satu Malaysia yang lebih bahagia di masa hadapan. Dengan adanya persefahaman, muhibbah dan harmoni kita akan dapat tampil ke hadapan dalam semangat perpaduan negara untuk mengujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama. Saya berharap tuan-tuan akan mencapai segala kejayaan dalam perbincangan-perbincangan di Dewan ini dan dalam tugas-tugas untuk berkhidmat bagi rakyat di Negeri Pulau Pinang. Terimakasih.

(Tuan Speaker mengumumkan keberangkatan Tuan Yang Terutama Gubernur dan Yang Berbahagia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah dan bahawa Dewan ditangguhkan pada besok hari jam 9.30 pagi. Tuan Yang Terutama dan Yang Berbahagia Toh Puan Datin Hajjah Sharifah Fatimah diiringi oleh Juruiring-Juruiring serta didahului oleh Tuan Speaker dan Setiausaha Dewan berangkat masuk ke Bilik Tuan Speaker).

Dewan ditangguhkan pada jam 11.39 pagi sehingga 23hb Oktober, 1974, jam 9.30 pagi.